



Kewangan Sektor Awam

4



Kewangan Sektor Awam

Tinjauan

Cabaran terhadap dasar fiskal...

Bajet 2009 dirangka dalam suasana pertumbuhan ekonomi dunia yang sederhana, harga bahan api, makanan, logam dan barangan komoditi lain yang tinggi, keadaan geopolitik yang tidak menentu serta krisis pasaran kewangan di Amerika Syarikat. Gabungan faktor ini membawa kesan kepada ekonomi terbuka yang kecil seperti Malaysia, seterusnya memberi cabaran yang besar kepada kedudukan kewangan Kerajaan. Kerajaan perlu mengimbangi keperluan untuk merencanakan momentum pertumbuhan dan mengawal tekanan inflasi serta mengekalkan pengurusan fiskal berhemat. Perbelanjaan tambahan telah diperuntukkan pada tahun 2008, walaupun dijangka terdapat penjimatan hasil daripada penstrukturan semula pelbagai subsidi dalam usaha untuk mengurangkan pembaziran dan mengelakkan ketirisan. Memandangkan harga bahan api kekal tinggi, program bantuan sosial telah diperluaskan lagi bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana menghadapi kos sara hidup yang meningkat. Selain itu, sejumlah dana baru telah diperuntukkan bagi memastikan bekalan makanan terjamin.

Harga bahan api dan makanan yang tinggi menyebabkan Kerajaan mengambil pendirian pengurusan fiskal yang lebih fleksibel berbanding langkah konsolidasi fiskal yang telah dilaksanakan sejak tahun 2002. Selepas mencatat defisit 3.2% pada tahun 2007, paras defisit bajet dijangka meningkat kepada 4.8% pada tahun 2008. Walaupun paras defisit meningkat, pengurusan dasar dan operasi fiskal akan terus ditumpukan kepada disiplin fiskal dengan mengawal peruntukan

bagi memastikan perbelanjaan awam yang berhemat dan berkesan. Bagi mencapai hasrat ini, pelbagai langkah telah dilaksanakan melalui pekeliling pentadbiran untuk mengurangkan perbelanjaan boleh kawal, manakala semua projek pembangunan telah dikaji dan disemak semula mengikut keutamaannya.

Dalam persekitaran yang mencabar, sektor awam dijangka berkembang 4.7%, menyumbang 1.1 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK pada tahun 2008 (2007: 7.9%; 1.9 mata peratusan). Sehubungan itu, bahagian sektor awam kepada KDNK kekal tinggi sebanyak 24.1% (2007: 24.3%).

Kerajaan Persekutuan

Defisit lebih tinggi berikutan komitmen yang bertambah...

Walaupun kutipan hasil dijangka kekal menggalakkan dalam suasana harga komoditi yang tinggi dan sumbangan yang lebih besar daripada hasil berkaitan minyak, perbelanjaan mengurus dianggar meningkat ketara berikutan pertambahan bayaran subsidi bahan api dan makanan, langkah meningkatkan pengeluaran makanan dan menstabilkan harga barang makanan utama serta usaha lain untuk membendung kesan kenaikan kos sara hidup, terutamanya terhadap golongan berpendapatan rendah. Sehubungan itu, jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat 20.5% kepada RM197,211 juta pada tahun 2008, berbanding peningkatan hasil sebanyak 15.5%. Justeru, defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka lebih tinggi sebanyak RM34,462 juta atau 4.8% kepada KDNK (2007: -RM20,658 juta; -3.2%), seperti di *Jadual 4.1*.

JADUAL 4.1

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan 2007 – 2009

	RM juta			Perubahan (%)		
	2007	2008 ¹	2009 ²	2007	2008 ¹	2009 ²
Hasil	139,885	161,558	176,220	13.2	15.5	9.1
Perbelanjaan mengurus	123,084	150,953	154,170	14.3	22.6	2.1
Baki semasa	16,801	10,605	22,050	6.0	-36.9	107.9
Perbelanjaan pembangunan kasar	40,564	46,258	51,729	13.3	14.0	11.8
Tolak: Terimaan balik pinjaman	3,105	1,191	1,229	267.0	-61.6	3.2
Perbelanjaan pembangunan bersih	37,459	45,067	50,500	7.1	20.3	12.1
Baki keseluruhan	-20,658	-34,462	-28,450			
% kepada KDNK	-3.2	-4.8	-3.6			

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk perubahan cukai 2009.

Hasil

Kutipan hasil kekal menggalakkan...

Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 15.5% kepada RM161,558 juta atau 22.6% daripada KDNK pada tahun 2008 (2007: 13.2%; RM139,885 juta; 21.8% daripada KDNK) berikutan kutipan yang lebih tinggi daripada hasil cukai dan hasil bukan cukai, seperti di *Jadual 4.2*. Peningkatan hasil ini ekoran harga komoditi yang memberangsangkan, terutamanya minyak mentah, aktiviti pengurusan dan penguatkuasaan cukai yang lebih baik serta disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang mapan. Hasil cukai dijangka meningkat 13.2% kepada RM107,737 juta, menyumbang 66.7% kepada keseluruhan hasil (2007: 9.9%; RM95,168 juta; 68.0%). Pada masa yang sama, hasil bukan cukai juga dijangka kekal tinggi pada paras RM53,821 juta atau peningkatan 20.4% (2007: RM44,717 juta; 21.1%), dipacu oleh pulangan pendapatan pelaburan yang memberangsangkan.

Cukai langsung dijangka meningkat 11.8% kepada RM77,579 juta (2007: 12.7%; RM69,396 juta), disumbang sebahagian besarnya oleh peningkatan ketara cukai pendapatan individu

sebanyak 25.1% kepada RM14,593 juta berikutan semakan semula gaji kakitangan awam, berkuat kuasa pada bulan Julai 2007, dan pelaksanaan sistem potongan cukai berjadual bulanan secara automatik mulai bulan Januari 2008. Peningkatan hasil cukai pendapatan individu yang lebih tinggi ini juga disokong oleh kutipan cukai yang lebih cekap. Lebih daripada satu juta pembayar cukai, termasuk 146,522 peniaga persendirian telah menggunakan sistem *e-filing* pada tahun 2008, iaitu meningkat 74.1% berbanding tahun 2007. Sehingga akhir bulan Disember 2007, bilangan keseluruhan pembayar cukai berdaftar berjumlah 6,345,258 orang dengan 90.8% atau 5,761,118 orang merupakan pembayar cukai individu. Daripada jumlah ini, hasil cukai yang dipungut pada tahun 2007 merangkumi 139,460 syarikat dan 1,894,044 individu. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) merupakan salah sebuah agensi Kerajaan yang telah mempromosikan sistem pembayaran elektronik secara agresif. Pelbagai saluran pembayaran baru telah disediakan melalui beberapa bank komersial utama bagi memastikan cukai pendapatan dibayar dalam tempoh yang telah ditetapkan, tanpa dikenakan sebarang caj. Pembayar cukai kini mempunyai pilihan untuk membayar cukai pendapatan melalui mesin *auto-teller*, perkhidmatan perbankan melalui telefon,

JADUAL 4.2


Hasil Kerajaan Persekutuan 2007 – 2009

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2007	2008 ¹	2009 ²	2007	2008 ¹	2009 ²	2007	2008 ¹	2009 ²
Hasil cukai	95,168	107,737	124,379	9.9	13.2	15.4	68.0	66.7	70.6
Cukai langsung	69,396	77,579	92,126	12.7	11.8	18.8	49.6	48.0	52.3
antaranya:									
Syarikat	32,149	33,325	35,780	21.4	3.7	7.4	23.0	20.6	20.3
PITA ³	20,453	24,511	35,826	-1.1	19.8	46.2	14.6	15.2	20.3
Individu	11,661	14,593	15,399	14.4	25.1	5.5	8.3	9.0	8.7
Cukai tidak langsung	25,772	30,158	32,252	2.8	17.0	6.9	18.4	18.7	18.3
antaranya:									
Duti eksais	8,991	10,369	11,038	4.8	15.3	6.5	6.4	6.4	6.3
Cukai jualan	6,642	7,580	8,059	1.7	14.1	6.3	4.7	4.7	4.6
Hasil bukan cukai	44,717	53,821	51,841	21.1	20.4	-3.7	32.0	33.3	29.4
antaranya:									
Lesen/permit	9,434	11,779	13,059	2.4	24.9	10.9	6.7	7.3	7.4
Pendapatan pelaburan	32,408	38,874	35,442	30.7	20.0	-8.8	23.2	24.1	20.1
Jumlah hasil	139,885	161,558	176,220	13.2	15.5	9.1	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	21.8	22.6	22.3						

¹ Anggaran disemak.² Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2009.³ Cukai Pendapatan Petroleum.

CARTA 4.1

Hasil Kerajaan Persekutuan



internet atau kaunter yang terdapat di kebanyakan cawangan di seluruh negara. Selain itu, kutipan hasil juga dijangka meningkat berikutan aktiviti audit yang lebih kerap dan siasatan cukai yang lebih terperinci.

Walaupun kos operasi meningkat, cukai pendapatan syarikat dijangka terus berkembang 3.7% kepada RM33,325 juta. Sektor minyak dan gas kekal sebagai pembayar cukai terbesar, diikuti oleh sektor pemborong dan peruncit serta sektor kewangan, pembuatan dan harta tanah. Sementara itu, cukai pendapatan petroleum (PITA) dijangka meningkat 19.8% kepada RM24,511 juta berikutan harga minyak yang tinggi dan volum jualan yang lebih besar. Cukai langsung lain, termasuk duti setem (RM3,588 juta), cukai pegangan (RM1,216 juta) dan cukai pendapatan koperasi (RM191 juta) dijangka kekal stabil berikutan transaksi perniagaan dan aktiviti ekonomi lain yang kekal kukuh.

Cukai tidak langsung dijangka meningkat 17.0% kepada RM30,158 juta, terutamanya daripada duti eksais (RM10,369 juta), cukai jualan (RM7,580 juta) dan cukai perkhidmatan (RM3,415 juta). Duti eksport dianggar meningkat ketara sebanyak 28.2% kepada RM2,977 juta, berikutan pengeluaran dan harga minyak sawit, minyak mentah dan komoditi lain yang lebih tinggi. Sebaliknya, duti import dianggar berkurangan 0.5% kepada RM2,411 juta dan trend ini akan berterusan selaras dengan komitmen terhadap liberalisasi tarif di bawah Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN serta perjanjian perdagangan dua hala dan serantau yang lain.

Pada tahun 2008, tambahan hasil cukai dijangka turut diperoleh dalam bentuk levi keuntungan luar biasa sebanyak RM870 juta daripada penjanakuasa elektrik persendirian (IPP) dan pengusaha ladang kelapa sawit. Levi sebanyak 30% dikenakan ke atas IPP yang mencatat pulangan atas aset melebihi 9%, berdasarkan akaun yang telah diaudit. Sementara itu, pengusaha ladang kelapa sawit akan membayar levi keuntungan luar biasa berasaskan output tandan buah segar. Pengusaha ladang kelapa sawit di Semenanjung Malaysia dikenakan levi sebanyak 15% manakala di Sabah dan Sarawak sebanyak 7.5%. Walau bagaimanapun, ladang

kelapa sawit yang kurang daripada 40.5 hektar atau 100 ekar serta pengilang minyak sawit mentah dan minyak isirong sawit mentah dikecualikan daripada levi keuntungan luar biasa ini. Levi ini menggantikan kutipan ses yang dikenakan ke atas pengusaha di bawah Skim Penstabilan Minyak Masak (COSS) yang telah dilaksanakan sejak bulan Jun 2007. Hasil daripada levi ini dijangka dapat menampung sebahagian daripada pembayaran di bawah COSS.

Kutipan **hasil bukan cukai** dijangka meningkat 20.4% kepada RM53,821 juta. Sumber utama hasil bukan cukai ialah pendapatan dividen, terutamanya daripada Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) (RM30,000 juta) serta lesen dan permit (RM11,779 juta). Komponen utama lesen dan permit terdiri daripada royalti petroleum dan cukai jalan. Royalti petroleum dijangka meningkat dan menyumbang sebanyak RM6,272 juta, manakala kutipan cukai jalan kekal stabil pada RM1,715 juta. Selain daripada hasil bukan cukai di atas, Kerajaan turut akan menerima hasil daripada penssekuritan pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan (RM4,100 juta) serta dividen daripada Khazanah Nasional Berhad (RM2,000 juta) dan Bank Negara Malaysia (RM1,500 juta).

Kerajaan sentiasa memperkenalkan langkah percukaian melalui bajet tahunan untuk meningkatkan daya saing negara, merencanakan aktiviti ekonomi serta melaksana dasar yang sesuai untuk mengetengahkan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelaburan langsung asing (FDI). Kadar cukai syarikat telah dikurangkan secara progresif dan akan berada pada paras 25% pada tahun 2009. Sistem cukai satu peringkat telah diperkenalkan untuk memudahkan urusan pentadbiran cukai syarikat, di mana cukai dikenakan ke atas keuntungan syarikat, manakala dividen yang diagihkan kepada pemegang saham dikecualikan daripada cukai. Pengecualian duti setem kepada semua instrumen berkaitan penggabungan dan pengambilalihan dilanjutkan sehingga tahun 2010 bagi meningkatkan kualiti, daya tahan dan daya saing syarikat tersenarai di Bursa Malaysia. Berkuat kuasa mulai tahun 2008, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang baru ditubuhkan diberi kelonggaran selama dua tahun untuk membayar cukai pada akhir tahun kewangan

dan bukan secara ansuran bulanan. Langkah ini membolehkan PKS mengurus kewangan mereka dengan lebih baik pada peringkat awal operasi perniagaan. Selain itu, bagi menggalakkan aktiviti pengurusan dana Islam, semua syarikat tempatan dan luar negeri yang menguruskan dana Islam yang diluluskan untuk pelabur tempatan dan asing diberikan pengecualian cukai atas yuran yang diterima sehingga tahun 2016.

Sistem pentadbiran cukai diperkemaskan lagi dengan penubuhan Tribunal Rayuan Kastam dan memperkenalkan Ketetapan Kastam dan Ketetapan Awal dalam pentadbiran cukai pendapatan bertujuan meningkatkan ketelusan, kepastian, ketepatan jangkaan dan keyakinan rakyat. Di samping itu, satu rangka kerja audit dan siasatan telah diperkenalkan, antara lain bertujuan untuk menjelaskan bidang tugas dan tanggungjawab pegawai LHDN dan pembayar cukai. Langkah ini dan beberapa inisiatif cukai yang dilaksanakan dijangka dapat merencanakan lagi aktiviti ekonomi, menambah keuntungan syarikat, seterusnya meningkatkan kutipan hasil.

Perbelanjaan

Saingan permintaan terhadap perbelanjaan Kerajaan...

Berpandukan matlamat Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan penilaian semula keutamaan di bawah Kajian Separuh Penggal, Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada meningkatkan daya saing negara, memantapkan pembangunan modal insan serta memastikan kesejahteraan rakyat. Dalam hal ini, sistem penyampaian sektor awam akan terus dipertingkatkan untuk menyokong inisiatif sektor swasta. Tumpuan akan diberi kepada pelaksanaan projek yang mengutamakan rakyat dan program yang menjana peluang ekonomi kepada semua pihak, terutamanya golongan miskin di bandar dan luar bandar yang seterusnya dapat mengurangkan jurang pembangunan. Program pembasmian kemiskinan dan bantuan yang disasarkan kepada golongan miskin tegar akan dipertingkatkan bagi mencapai sasaran kemiskinan sifar pada tahun 2010.

Tahun 2008 adalah mencabar, memandangkan tekanan inflasi semakin ketara disebabkan kenaikan harga komoditi dan makanan dalam suasana pertumbuhan ekonomi yang sederhana. Keteguhan ekonomi yang telah dicapai sejak krisis kewangan Asia 1997/1998 membolehkan Kerajaan merangka dasar yang sesuai dalam menangani cabaran ekonomi luaran dan dalaman. Kerajaan telah mengambil tindakan proaktif melalui langkah penstrukturan semula subsidi minyak untuk memastikan pengagihan sumber yang lebih efisien dan mengurangkan ketirisan. Selain itu, penstrukturan semula subsidi minyak bertujuan memastikan generasi akan datang juga dapat menikmati faedah daripada hasil minyak dan gas.

Usaha juga telah dilaksanakan untuk menstabilkan harga makanan, meningkatkan pengeluaran dan pengagihan makanan serta memperkukuh program bantuan sosial bagi golongan miskin dan yang mudah terjejas. Di samping itu, Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk mengurangkan perbelanjaan boleh kawal, manakala projek dan program telah dikaji semula dan diselaraskan mengikut keutamaan. Berikutan kos bahan pembinaan yang meningkat dan untuk menyokong industri pembinaan, perubahan bagi nilai kontrak untuk projek pembangunan yang sedang dalam pelaksanaan dan yang baru diluluskan juga dibenarkan. Langkah ini dibuat bagi memastikan pelaksanaan projek tidak terjejas dan dapat disiapkan mengikut jadual.

Memandangkan keperluan terhadap sumber kewangan negara semakin bertambah, jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dianggar meningkat 20.5% kepada RM197,211 juta pada tahun 2008 (2007: 14.0%; RM163,648 juta). Daripada keseluruhan perbelanjaan Kerajaan, sebanyak 76.5% merupakan perbelanjaan mengurus dan bakinya untuk perbelanjaan pembangunan.

Perbelanjaan mengurus dijangka meningkat 22.6% kepada RM150,953 juta pada tahun 2008 (2007: 14.3%; RM123,084 juta). Komponen terbesar ialah *emolumen* yang meliputi 24.0% daripada perbelanjaan mengurus dan dianggar

meningkat 11.1% kepada RM36,214 juta (2007: 26.5%; 14.3%; RM32,587 juta). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh semakan semula gaji kakitangan awam berkuat kuasa pada 1 Julai 2007.

Pada tahun 2008, perbelanjaan *subsidi* menjadi komponen kedua terbesar meliputi 22.6% daripada perbelanjaan mengurus dan dijangka meningkat kepada RM34,103 juta. Ini berikutan peningkatan harga minyak mentah, makanan, logam dan komoditi lain. Antara yang dimasukkan dalam kategori ini adalah subsidi bahan api, subsidi, insentif dan bantuan bagi program jaminan makanan, skim biasiswa dan bantuan pendidikan serta program kebajikan masyarakat dan peruntukan kepada Orang Asli. Perbelanjaan subsidi bagi tahun ini dijangka RM27,255 juta (79.9%), insentif RM937 juta (2.7%) dan bantuan RM5,911 juta (17.3%).

Subsidi bahan api merupakan komponen terbesar dalam kategori ini, dijangka meningkat sebanyak 142.2% kepada RM18,100 juta pada tahun 2008 (2007: -1.1%; RM7,473 juta) walaupun langkah penstrukturan semula subsidi telah dilaksanakan.

Memandangkan harga minyak mentah pasaran antarabangsa terus meningkat, Kerajaan perlu menanggung perbelanjaan yang lebih tinggi untuk menampung perbezaan antara harga runcit subsidi dan harga pasaran. Berkuat kuasa mulai 5 Jun 2008, harga minyak petrol telah dinaikkan daripada RM1.92 seliter kepada RM2.70 dan diesel daripada RM1.58 seliter kepada RM2.58. Kerajaan juga telah menetapkan bahawa harga runcit petrol adalah berdasarkan harga pasaran bulanan minyak mentah dunia dengan mengekalkan subsidi 30 sen seliter, berkuat kuasa mulai 1 September 2008. Walau bagaimanapun, berikutan paras harga minyak mentah dunia yang semakin sederhana pada bulan Ogos, harga runcit petrol telah dikurangkan kepada RM2.55 seliter dan diesel, berkurang sebanyak 8 sen kepada RM2.50 seliter, berkuat kuasa mulai 23 Ogos 2008.

Di samping itu, mulai bulan April 2008, rebat tunai yang merupakan bayaran sekali sahaja diberi kepada pemilik kenderaan peribadi berdaftar untuk mengurangkan beban kewangan mereka. Rebat berjumlah RM625 diberikan kepada kenderaan persendirian berkapasiti enjin kurang daripada

JADUAL 4.3

**Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek
2007 – 2009**

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2007	2008 ¹	2009 ²	2007	2008 ¹	2009 ²	2007	2008 ¹	2009 ²
Emolumen	32,587	36,214	37,985	14.3	11.1	4.9	26.5	24.0	24.6
Bayaran khidmat hutang	12,911	13,101	13,473	3.3	1.5	2.8	10.5	8.7	8.7
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	3,904	4,402	4,903	36.9	12.8	11.4	3.2	2.9	3.2
Pencen dan ganjaran	8,251	8,412	7,279	17.7	1.9	-13.5	6.7	5.6	4.7
Bekalan dan perkhidmatan	23,622	25,900	26,488	12.9	9.6	2.3	19.2	17.2	17.2
Subsidi	10,481	34,103	33,799	3.7	225.4	-0.9	8.5	22.6	21.9
Pemberian kepada badan berkanun ³	10,707	13,064	13,805	16.4	22.0	5.7	8.7	8.7	9.0
Bayaran balik dan hapus kira	1,062	966	890	270.0	-9.1	-7.9	0.9	0.6	0.6
Lain-lain	19,559	14,792	15,548	20.0	-24.4	5.1	15.9	9.8	10.1
Jumlah	123,084	150,953	154,170	14.3	22.6	2.1	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	19.2	21.1	19.5						

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk perubahan cukai 2009.

³ Termasuk emolumen.

2000 cc dan RM150 kepada motosikal kurang daripada 250 cc. Adalah dianggarkan sebanyak 95% daripada kenderaan persendirian berdaftar di Malaysia berkapasiti 2000 cc ke bawah. Pemilik kenderaan persendirian berkapasiti melebihi 2000 cc diberi rebat cukai jalan sebanyak RM200, manakala motosikal berkapasiti 250 cc ke atas, RM50. Di Sabah dan Sarawak, rebat tunai RM625 juga diberi kepada pemilik kenderaan persendirian termasuk trak dan pacuan empat roda berkapasiti sehingga 3000 cc dengan mengambil kira laluan berbukit di kawasan pedalaman. Pembayaran rebat tunai ini dijangka melibatkan kos sebanyak RM5,000 juta pada tahun 2008. Sehingga 21 Ogos 2008, Pos Malaysia Berhad telah membayar RM1.6 bilion kepada 3.7 juta pemilik kenderaan berdaftar.

Harga diesel telah dinaik dan diselaraskan kepada RM1.43 seliter untuk pengendali pengangkutan yang layak, nelayan dan pemilik kapal tempatan yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan. Untuk meningkatkan aktiviti pendaratan ikan, insentif bulanan sebanyak RM200 diberikan kepada pengendali dan pekerja kapal, sementara nelayan diberikan insentif 10 sen bagi setiap kilogram ikan yang ditangkap. Berkuat kuasa pada 27 Julai 2008, semua teksi yang menggunakan petrol tanpa plumbum juga diberikan subsidi untuk membantu mereka mengurangkan kos, seterusnya memastikan tambang teksi kekal rendah. Pemandu teksi berkenaan dibenarkan membeli petrol menggunakan *fleet card* pada harga lama RM1.92 seliter dan dihadkan sehingga 720 liter sebulan. Pembelian petrol melebihi kuota ini akan dikenakan pada harga runcit.

Dalam Bajet 2008, beberapa inisiatif telah diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti hidup golongan miskin dan mudah terjejas. Bantuan sebanyak RM300 sebulan diberikan kepada golongan miskin dan warga emas yang memerlukan, orang kurang upaya (OKU) yang bekerja dan individu yang layak kerana menjaga OKU, pesakit yang terlantar dan pengidap penyakit kronik. Bagi membantu golongan miskin dan mudah terjejas berhadapan dengan kesan tekanan inflasi, liputan program kebajikan sosial telah diperluaskan. Kriteria kelayakan untuk golongan

OKU telah dikaji semula dengan mengambil kira mereka yang berpendapatan kurang daripada RM1,200 sebulan (sebelum ini RM750). Sementara itu, isi rumah berpendapatan kurang daripada RM720 sebulan (sebelum ini RM400) kini layak menerima bantuan kebajikan.

Antara langkah yang diambil untuk membendung inflasi termasuk menyelaraskan dan mengekalkan kawalan harga makanan keperluan asas seperti gula, tepung, susu, beras dan roti di seluruh negara. Harga gas memasak juga diselaras dan dikekalkan pada RM1.75 sekilogram manakala subsidi diberi kepada pengeluar roti dan minyak masak untuk menstabilkan harga runcit produk makanan berikutan kenaikan kos input. Peruntukan juga telah disediakan untuk mengambil 2,000 graduan menganggur bagi memantau harga barangan keperluan asas secara terperinci bagi memastikan bekalan yang mencukupi dan mengelakkan kenaikan harga yang tidak munasabah. Selain itu, cukai jualan sebanyak 5% dikenakan ke atas restoran yang mencatat jualan tahunan minimum RM3 juta, berbanding minimum RM500,000 sebelum ini, bagi membantu mengurangkan beban peniaga dan pelanggan.

Kerajaan juga telah menubuhkan Majlis Anti-Inflasi yang dianggotai oleh wakil sektor awam dan swasta untuk mengkaji dan membuat keputusan dasar yang strategik berkenaan isu inflasi. Peranan Majlis ini telah diperluaskan untuk menangani isu ekonomi secara lebih komprehensif dan kini dikenali sebagai Majlis Ekonomi.

Dasar Jaminan Makanan Negara yang diumumkan pada bulan April 2008 menggariskan teras jangka panjang untuk mencapai pengeluaran makanan yang mencukupi dalam negara, meningkatkan produktiviti subsektor makanan serta mengekalkan kestabilan harga barang makanan keperluan asas. Langkah ini, antara lain, termasuk meningkatkan stok penimbal beras dan pengeluaran makanan pertanian, perikanan dan penternakan; pembukaan tanah baru dan terbiar untuk pengeluaran makanan; meningkatkan sistem pemasaran dan pengagihan; serta menyediakan insentif kepada peladang, nelayan dan usahawan ternakan untuk mengurangkan beban peningkatan

kos input pertanian. Sehubungan itu, pelbagai subsidi, insentif dan bantuan kewangan sebanyak RM2,500 juta telah diperuntukkan untuk program jaminan makanan.

Bantuan kewangan juga diberikan untuk biasiswa, pelbagai program bantuan pendidikan, termasuk skim bantuan makanan dan rancangan makanan tambahan, baucer tuisyen dan sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin atau KWAPM. Selain itu, sejumlah RM34 juta disediakan bagi meningkatkan taraf hidup Orang Asli.

Komponen utama lain perbelanjaan mengurus ialah *bekalan dan perkhidmatan* yang meliputi 17.2% atau RM25,900 juta (2007: 19.2%; RM23,622 juta). Perbelanjaan utama dalam komponen ini terdiri daripada bekalan serta perkhidmatan profesional dan perkhidmatan lain, sewaan, pembaikan dan penyelenggaraan, komunikasi dan utiliti. Selaras dengan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan boleh kawal, perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan dijangka mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 9.6% (2007: 12.9%).

Antara langkah pentadbiran yang dilaksanakan untuk mengawal perbelanjaan, termasuk pengurangan ke atas perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan serta pembelian aset di bawah perbelanjaan mengurus untuk semua kementerian. Pembekuan turut dikenakan ke atas penyewaan ruang pejabat baru, kerja pengubahsuaian pejabat, penstrukturan semula jabatan serta pengambilan kakitangan bagi jawatan yang bukan kritikal. Perjalanan luar negara hanya untuk mesyuarat penting sahaja manakala bilangan penyertaan pegawai dikurangkan.

Bayaran khidmat hutang dijangka kekal terurus pada RM13,101 juta atau 8.7% daripada perbelanjaan mengurus pada tahun 2008 (2007: RM12,911 juta; 10.5%). *Geran kepada badan berkanun* dianggarkan meningkat ketara sebanyak 22.0% kepada RM13,064 juta (2007: 16.4%; RM10,707 juta), terutamanya berikutan pertambahan peruntukan kepada 21 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan tiga hospital pendidikan yang merangkumi 59.8% daripada jumlah geran yang diberikan. Penerima utama lain

bagi geran ini, termasuk Majlis Amanah Rakyat atau MARA (15.1%) dan LHDN (6.8%). Geran yang diperuntukkan kepada badan berkanun bertujuan memenuhi keperluan perbelanjaan, terutamanya emolumen serta bekalan dan perkhidmatan.

Sementara itu, *pencen dan ganjaran* yang merangkumi 5.6% daripada jumlah perbelanjaan mengurus dijangka kekal stabil pada paras RM8,412 juta (2007: 6.7%; RM8,251 juta). Ini disebabkan penangguhan bayaran pencen dan ganjaran berikutan perlanjutan umur persaraan pilihan kakitangan awam daripada 56 kepada 58 tahun. Komponen utama lain perbelanjaan mengurus ialah *geran dan pindahan kepada kerajaan negeri* (RM4,402 juta) dan *pembelian aset* (RM2,194 juta).

Perbelanjaan pembangunan dianggarkan berjumlah RM46,258 juta pada tahun 2008 (2007: RM40,564 juta), iaitu peningkatan sebanyak 14.0% berbanding tahun 2007. Dari segi peruntukan mengikut sektor, perkhidmatan ekonomi merupakan penerima terbesar, diikuti oleh perkhidmatan sosial, keselamatan dan pentadbiran am.

Sektor *perkhidmatan ekonomi* merangkumi 44.8% atau RM20,718 juta pada tahun 2008 (2007: 49.6%; RM20,116 juta). Subsektor pengangkutan merupakan komponen terbesar dalam sektor ini iaitu 37.7% atau RM7,813 juta (2007: 42.3%; RM8,500 juta), terutamanya untuk membina, menyelenggara dan menaik taraf jalan, jambatan, kereta api, lapangan terbang, pelabuhan dan jeti serta jalan luar bandar dan desa. Selain daripada pembelian enjin dan gerabak kereta api oleh KTMB, projek infrastruktur utama lain turut dilaksanakan pada tahun 2008. Projek utama yang sedang dalam pelaksanaan, termasuk pembinaan jalan dari Sepulut ke Kalabakan di Sabah serta menaik taraf terminal lapangan terbang Kuching, Kota Kinabalu dan Labuan; Terminal Pengangkutan Bersepadu di Bandar Tasik Selatan dan *Trans Eastern Kedah Hinterland*. Projek baru yang dilaksanakan, termasuk landasan berkembar Ipoh-Padang Besar dan Seremban-Gemas; Fasa 2 Lingkaran Lebuhraya Tengah Seremban dan Fasa 2 Lebuhraya Pantai Timur dari Jabur ke Kuala Terengganu.

JADUAL 4.4

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor 2007 – 2009

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2007	2008 ¹	2009 ²	2007	2008 ¹	2009 ²	2007	2008 ¹	2009 ²
Perkhidmatan ekonomi antaranya:	20,116	20,718	27,745	15.6	3.0	33.9	49.6	44.8	53.6
Pertanian dan pembangunan luar bandar	3,842	4,414	3,522	-3.9	14.9	-20.2	9.5	9.5	6.8
Perdagangan dan perindustrian	4,904	4,450	4,303	44.7	-9.3	-3.3	12.1	9.6	8.3
Pengangkutan	8,500	7,813	7,605	9.7	-8.1	-2.7	21.0	16.9	14.7
Perkhidmatan sosial antaranya:	12,893	15,594	17,794	35.4	21.0	14.1	31.8	33.7	34.4
Pendidikan dan latihan	6,271	8,483	10,087	17.2	35.3	18.9	15.5	18.3	19.5
Kesehatan	1,496	2,247	2,308	15.3	50.2	2.7	3.7	4.9	4.5
Perumahan	2,947	2,011	1,400	118.8	-31.8	-30.4	7.3	4.3	2.7
Keselamatan	5,702	7,032	4,073	18.7	23.3	-42.1	14.1	15.2	7.9
Pentadbiran am	1,853	2,914	2,117	-54.5	57.3	-27.4	4.6	6.3	4.1
Jumlah	40,564	46,258	51,729	13.3	14.0	11.8	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	6.3	6.5	6.5						

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet.

Subsektor perdagangan dan industri diperuntukkan RM4,450 juta (2007: RM4,904 juta). Program pembangunan utama dalam subsektor ini, termasuk menaik taraf kemudahan infrastruktur di kawasan perindustrian, membiayai pelaburan strategik, melaksanakan pembangunan kemahiran dan keusahawanan, program pembangunan vendor untuk sektor automotif serta aktiviti promosi, pemasaran dan pembangunan hab dan taman halal PKS di kebanyakan negeri. PKS merangkumi 99.2% daripada jumlah entiti perniagaan dengan 5.6 juta pekerja dan menyumbang 35.0% kepada KDNK. Berikutan rantaian PKS yang luas dalam ekonomi, PKS akan terus diberi perhatian melalui penyediaan akses pembiayaan yang lebih mudah, kepakaran teknikal serta pendedahan yang lebih luas di peringkat antarabangsa bagi memperkukuh daya tahan dan daya saing. Sektor bioteknologi akan terus dirancakkan melalui penyediaan infrastruktur dan kemudahan teknologi. Dana akan disediakan untuk memperoleh teknologi, mengkomersil industri bioteknologi, mempromosi aktiviti agrobioteknologi serta mengembangkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang biodiversiti.

Subsektor pelancongan diberi peruntukan sebanyak RM370 juta untuk melaksanakan pelbagai program, meningkatkan kemudahan berkaitan pelancongan serta mempelbagaikan produk pelancongan. Tumpuan yang diberi, antara lain, untuk mengembangkan produk pelancongan khusus, termasuk projek ekopelancongan dan peluasan aktiviti *homestay* yang dapat menjana pendapatan masyarakat luar bandar. Malaysia, dengan kekayaan budayanya, akan terus dipromosikan ke luar negara, antaranya melalui program *MalaysiaKitchen*.

Peruntukan yang besar juga disediakan untuk memoden dan mengkomersilkan sektor pertanian. Sehubungan itu, subsektor pertanian dan pembangunan luar bandar diperuntukkan RM4,414 juta (2007: RM3,842 juta). Antara program dijalankan, termasuk membasmi kemiskinan di Sabah dan Sarawak, meningkatkan rangkaian saliran dan pengairan, memajukan tanah dan kawasan, perikanan dan penternakan serta pelbagai projek pertanian. Projek yang dilaksanakan untuk meningkatkan taraf hidup golongan miskin luar bandar di Sabah dan

Sarawak, termasuk menyediakan infrastruktur asas, aktiviti yang dapat menjana pendapatan seperti penternakan haiwan, penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran serta ladang kontrak. Bagi memastikan aktiviti ini berterusan dalam jangka masa panjang, peruntukan juga disediakan untuk khidmat nasihat dan latihan kemahiran. Sementara itu, tumpuan bagi program di bawah subsektor pertanian dan pembangunan luar bandar ialah untuk meningkatkan pengeluaran padi serta menggalakkan penanaman bunga-bunga, herba dan rempah ratus. Peruntukan juga disediakan untuk meningkatkan pengeluaran makanan, terutamanya beras, buah-buahan dan sayur-sayuran, bertujuan memastikan bekalan makanan mencukupi dan dapat menangani kekurangan makanan dalam negara. Subsektor kemudahan awam dan tenaga pula diperuntukkan RM3,131 juta (2007: RM2,358 juta) untuk projek bekalan air, pembetulan dan elektrik, dengan tumpuan diberi kepada peningkatan akses kemudahan awam di kawasan luar bandar.

Pelaburan dalam pembangunan modal insan adalah penting untuk membolehkan negara beralih ke rantai nilai lebih tinggi dan membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan. Oleh itu, sektor perkhidmatan sosial diperuntukkan RM15,594 juta (2007: RM12,893 juta), di mana RM8,483 juta untuk subsektor pendidikan dan latihan. Pengajian tinggi disediakan jumlah pendidikan pengajian tinggi melalui pelaksanaan pelbagai projek dan program. Penyelidikan dan pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) di empat Universiti Penyelidikan iaitu Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia akan dipertingkatkan. Kerja pembinaan sedang dijalankan untuk mengembang dan menaik taraf Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Malaysia Pahang. Bagi meningkatkan bilangan dan kualiti tenaga kerja terlatih untuk memenuhi permintaan industri, pelbagai program dan infrastruktur ditingkatkan di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), politeknik, institut latihan kemahiran serta kolej komuniti. Peruntukan juga disediakan untuk menyelenggara dan menaik taraf peralatan dan

kelengkapan di institusi berkenaan. Antara projek yang sedang dalam pelaksanaan pada tahun 2008 termasuk ADTEC di Taiping, Bintulu, Kemaman dan Jerantut serta pusat latihan kemahiran di Marang, Tanjung Malim dan Kuala Krai.

Subsektor kesihatan merupakan penerima kedua terbesar dalam sektor perkhidmatan sosial dengan peruntukan sejumlah RM2,247 juta yang meliputi 14.4% daripada sektor ini (2007: RM1,496 juta; 11.6%). Peruntukan ini disediakan untuk membangun, menaik taraf dan menyelenggara hospital dan klinik, membeli peralatan perubatan dan kesihatan serta menyediakan pelbagai perkhidmatan penjagaan kesihatan yang komprehensif. Perkhidmatan kesihatan luar bandar akan terus dipertingkatkan, sementara Fasa 2 *Hospital Information System* atau HIS di 11 buah hospital, termasuk Hospital Sarikei, Jasin dan Temerloh akan dilaksanakan. Antara projek utama yang dirancang pada tahun 2008 ialah pembinaan Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Ulu Kinta, Kolej Kejururawatan Kuala Pilah, Hospital Tampin dan Hospital Pemulihan Cheras.

Subsektor perumahan diperuntukkan RM2,011 juta (2007: RM2,947 juta), di mana sebahagian besarnya bagi tujuan pembinaan rumah kos rendah dan kuarters Kerajaan untuk kakitangan awam termasuk angkatan tentera dan polis. Sejajar dengan dasar Kerajaan untuk menyediakan rumah mampu milik yang mencukupi untuk golongan berpendapatan rendah, pelaksanaan Program Perumahan Rakyat (PPR) dan PPR Bersepadu akan dipercepatkan sementara projek perumahan terbengkalai akan dibaik pulih. Sehingga kini, sejumlah 17,660 unit rumah PPR Disewa dan PPR Bersepadu sedang dalam pembinaan.

Selain daripada subsektor kesihatan, pelajaran dan perumahan, peruntukan sebanyak RM1,786 juta juga disediakan kepada subsektor pihak berkuasa tempatan dan perkhidmatan kebajikan dan masyarakat, subsektor pembangunan masyarakat dan desa (RM564 juta) serta subsektor kebudayaan, belia dan sukan (RM395 juta). Peruntukan untuk subsektor pihak berkuasa

tempatan dan perkhidmatan kebajikan dan masyarakat antaranya digunakan untuk pengurusan sisa pepejal (RM350 juta), perkhidmatan bomba (RM506 juta), perkhidmatan kebajikan untuk warga emas dan golongan terpinggir (RM113 juta), di samping menaik taraf dan membina kemudahan taman dan rekreasi serta melaksanakan projek pembersihan sungai dan tebatan banjir. Projek Pemulihan Sungai Klang di Kuala Lumpur dari Jalan Jelatek ke Masjid Jamek merupakan salah satu projek yang dikenal pasti untuk dilakukan pada tahun 2008. Peruntukan juga disediakan kepada subsektor pembangunan masyarakat dan desa bertujuan meningkatkan taraf sosioekonomi golongan miskin di luar bandar. Penekanan terus diberikan kepada skim pemulihan kampung dan program yang menggalakkan aktiviti pembelajaran, latihan kemahiran dan ekonomi (RM425 juta). Sementara projek agropolitan di Pulau Banggi, Sabah dan Tanjung Gahai, Pahang di bawah Program Lonjakan Mega Luar Bandar rancak dilaksana. Pembangunan projek yang sama di negeri lain akan dipercepatkan bagi meningkatkan pendapatan golongan miskin tegar di kawasan kurang membangun dan pedalaman. Peruntukan juga disediakan (RM107 juta) bagi memastikan masyarakat Orang Asli mendapat lebih akses kepada kemudahan asas dan infrastruktur sosial serta terus melibatkan diri dalam aktiviti yang dapat menjana pendapatan.

Perbelanjaan pembangunan untuk sektor *keselamatan* dijangka meningkat sebanyak 23.3% kepada RM7,032 juta (2007:18.7%; RM5,702 juta). Daripada jumlah ini, RM4,712 juta diperuntukkan kepada subsektor pertahanan, terutamanya bagi tujuan pembelian dan menaik taraf peralatan dan pengawasan untuk angkatan tentera. Bagi memastikan keselamatan awam terjamin serta persekitaran perniagaan dan pelaburan yang selamat, sebanyak RM2,320 juta diperuntukkan untuk subsektor keselamatan dalam negeri. Peruntukan ini akan diguna bagi meningkatkan pertahanan awam, penguatkuasaan dan pengawasan maritim serta menaik taraf kapasiti dan keupayaan anggota beruniform. Penguatkuasaan pihak polis dalam menangani jenayah di kawasan yang telah dikenal pasti akan dipertingkatkan, sementara usaha sedang

dilakukan untuk melengkapkan setiap kontinjen polis dengan unit forensik bergerak.

Perbelanjaan *pentadbiran am* dijangka bertambah 57.3% kepada RM2,914 juta (2007:-54.5%; RM1,853 juta) bagi meningkatkan lagi produktiviti dan kecekapan sistem penyampaian sektor awam. Bagi tujuan ini, peruntukan disediakan untuk pelbagai projek ICT, termasuk pengkomputeran jabatan Kerajaan serta pembangunan dan aplikasi e-kerajaan yang lebih meluas. Selain itu, peruntukan juga disediakan untuk pembelian tanah, bangunan dan kelengkapan serta pengubahsuaian, pemulihan dan penyelenggaraan kemudahan Kerajaan. Untuk memanjangkan jangka hayat aset Kerajaan serta menawarkan perkhidmatan yang berkualiti kepada orang awam, budaya penyelenggaraan akan terus diberi penekanan dalam sektor awam.

Pembiayaan

Pembiayaan melalui sumber kewangan domestik...

Pinjaman Kerajaan Persekutuan dijangka bertambah berikutan paras defisit yang lebih tinggi pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus meminjam daripada sumber domestik, terutamanya dari sumber yang tidak memberi kesan inflasi, di samping memastikan pinjaman hanya untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Berikutan kedudukan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan dan kewangan serta kadar tabungan yang tinggi dalam negeri, peningkatan pinjaman Kerajaan dijangka tidak menjejaskan peluang pinjaman sektor swasta.

Jumlah pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan pada tahun 2008 dianggarkan sebanyak RM60,533 juta, seperti di *Jadual 4.5*. Daripada jumlah ini, RM60,000 juta merupakan pinjaman dalam negeri manakala sumber luar negara sebanyak RM533 juta. Sejumlah RM25,216 juta daripada keseluruhan pinjaman kasar adalah untuk bayaran balik pinjaman sedia ada dan baki sebanyak RM35,317 juta merupakan pinjaman tambahan, terutamanya untuk menampung defisit.

Pada tahun 2008, sejumlah RM43,500 juta diperoleh daripada terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), di mana RM37,500 juta melalui tender terbuka dan baki sebanyak RM6,000 juta merupakan tawaran persendirian. Daripada jumlah SKM ini, terbitan baru sebanyak RM8,000 juta ditawarkan melalui tiga tender terbuka dan satu tawaran persendirian, sementara bakinya sebanyak RM35,500 juta menerusi 14 terbitan semula SKM sedia ada, di mana empat terbitan merupakan tawaran persendirian. Secara keseluruhannya, SKM meliputi 72.5% daripada jumlah pinjaman kasar dalam negeri. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2008, kadar kupon untuk terbitan baru SKM bagi tempoh matang 5 dan 10 tahun adalah dalam lingkungan 3.46% hingga 3.58% setahun berbanding dengan 3.81% hingga 3.89% pada tempoh yang sama tahun 2007.

Kerajaan juga akan menerbitkan lima Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) berjumlah sehingga RM16,500 juta pada tahun 2008, termasuk satu terbitan melalui tawaran persendirian. Pada akhir bulan Jun 2008, pelabur utama dalam SKM dan TPK terus merupakan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (49.1%), pemilik asing (18.6%), institusi perbankan (11.4%) dan syarikat insuran (8.2%). Terbitan sekuriti Kerajaan yang dibuat dari semasa ke semasa menjadi penanda aras pulangan hasil bagi mengembangkan lagi pasaran bon tempatan.

Kerajaan komited untuk mengurangkan pinjaman luar negara bagi meminimumkan pendedahan kepada risiko tukaran mata wang asing. Sejak tahun 2005, bayaran balik hutang sedia ada melebihi terimaan pinjaman. Memandangkan tiada pinjaman pasaran baru Kerajaan pada tahun 2008, pengeluaran pinjaman luar negara adalah daripada pinjaman projek sedia ada untuk membiayai projek dan program berkaitan bidang pendidikan dan latihan, penjaan tenaga, bekalan air, perkhidmatan pembedungan, pembasmian kemiskinan serta penyediaan kemudahan ICT dan pengangkutan kereta api. Pada tahun 2008, sejumlah RM533 juta akan diperolehi melalui sumber pembiayaan dua hala (RM453 juta) dan sumber pelbagai hala (RM80 juta).

JADUAL 4.5

Pembiayaan Kerajaan Persekutuan 2007 – 2008

	RM juta		Bahagian (%)	
	2007	2008 ¹	2007	2008 ¹
Pinjaman kasar	54,570	60,533	100.0	100.0
Dalam negeri	54,081	60,000	99.1	99.1
Terbitan Pelaburan	10,000	16,500	18.3	27.3
Sekuriti Kerajaan	44,081	43,500	80.8	71.9
Luar negara	489	533	0.9	0.9
Pinjaman pasaran	-	-	-	-
Pinjaman projek	489	533	0.9	0.9
Bayaran balik	33,084	25,216	100.0	100.0
Dalam negeri	28,281	24,291	85.5	96.3
Luar negara	4,803	925	14.5	3.7
Pinjaman bersih	21,486	35,317		
Dalam negeri	25,800	35,709		
Luar negara	-4,314	-392		
Perubahan aset²	-828	-855		
Jumlah	20,658	34,462		

¹ Anggaran.

² (-) bererti pertambahan harta.

Hutang

Hutang Kerajaan kekal terurus...

Strategi pengurusan hutang Kerajaan yang berhemat akan terus menjadi komponen penting dalam dasar fiskal. Polisi yang efektif serta sistem pemantauan hutang yang cekap dan terkini akan memastikan tahap hutang negara kekal terurus dan mapan. Menjelang akhir tahun 2008, peratusan hutang Kerajaan Persekutuan dianggarkan pada paras 42.4% daripada KDNK dan hutang negara sebanyak 31.9% (2007: 41.6%; 29.2%).

Jumlah **hutang Kerajaan Persekutuan** dianggar bertambah sebanyak 13.7% kepada RM303,227 juta pada akhir tahun 2008 (akhir 2007: 10.1%; RM266,722 juta), seperti di *Jadual 4.6*. Ini disebabkan oleh peningkatan hutang dalam negeri untuk memenuhi keperluan pembiayaan. Sebaliknya, hutang luar negara terus berkurangan daripada RM37,284 juta pada tahun 2003 kepada

RM18,307 juta pada akhir tahun 2008, berikutan ketiadaan pinjaman luar negara yang baru kecuali terimaan daripada pinjaman projek sedia ada. Oleh itu, peratusan hutang luar negara Kerajaan Persekutuan kepada jumlah hutang dijangka terus berkurangan kepada 6.0% (2007: 7.3%), ekoran bayaran balik hutang luar negara. Pada keseluruhannya, bayaran khidmat hutang kekal rendah iaitu 8.7% daripada perbelanjaan mengurus dan 8.1% daripada jumlah hasil pada tahun 2008 (2007: 10.5%; 9.2%). Hutang luar Kerajaan Persekutuan pula didominasi terutamanya dalam matawang dolar AS, pound sterling dan yen.

Selain daripada hutang luar Kerajaan Persekutuan, **hutang negara** juga meliputi hutang luar Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan sektor swasta. Sejajar dengan amalan penilaian risiko yang lebih baik bagi ekonomi serta konsisten dengan piawaian antarabangsa dan amalan terbaik di dalam pengumpulan data bagi entiti luar pesisir, penyelarasan telah dibuat kepada data hutang negara. Mulai bulan Januari 2008, semua entiti di dalam kawasan Pusat Perniagaan dan Kewangan Labuan atau Labuan IBFC diklasifikasi sebagai residen. Oleh itu, kedudukan hutang luar negara entiti tersebut diambil kira sebagai hutang negara.

Sehubungan dengan klasifikasi baru ini, hutang negara dijangka meningkat 21.8% kepada RM228,353 juta atau 31.9% daripada KDNK pada akhir tahun 2008 (akhir 2007: 1.6%; RM187,445 juta; 29.2% KDNK), seperti di *Jadual 4.7*. Daripada jumlah hutang jangka sederhana dan panjang, hutang luar sektor awam terus kekal pada 31.2% berbanding 32.8% pada tahun 2007.

Sebahagian besar hutang negara merupakan hutang jangka sederhana dan panjang, meliputi hutang Kerajaan Persekutuan (8.0%), PABK (23.2%) dan sektor swasta (29.7%). Hutang jangka pendek meliputi 39.1% daripada jumlah hutang negara, di mana sektor perbankan merupakan pemilik utama. Nisbah khidmat hutang luar, iaitu ukuran bayaran balik pokok dan faedah berbanding eksport barangan dan perkhidmatan negara kekal rendah pada kadar 3.8%, mencerminkan kekukuhan pendapatan eksport untuk membayar hutang luar. Pada 15 Ogos 2008, nisbah rizab antarabangsa kepada hutang luar jangka pendek lebih daripada mencukupi bagi menampung 5 kali hutang luar jangka pendek, mencerminkan kemampuan rizab negara untuk membiayai hutang luar jangka pendek.

JADUAL 4.6

**Hutang Kerajaan Persekutuan
2007 – 2008**

	RM juta		Bahagian (%)		KDNK (%)	
	2007	2008 ¹	2007	2008 ¹	2007	2008 ¹
Hutang dalam negeri	247,120	284,920	92.7	94.0	38.5	39.8
Bil Perbendaharaan	4,320	4,320	1.6	1.4	0.7	0.6
Terbitan Pelaburan	28,000	42,500	10.5	14.0	4.4	5.9
Sekuriti Kerajaan	191,700	213,800	71.9	70.5	29.9	29.9
Tabung Pinjaman Perumahan	23,100	24,300	8.7	8.0	3.6	3.4
Hutang luar	19,602	18,307	7.3	6.0	3.1	2.6
Pinjaman pasaran	12,586	11,458	4.7	3.8	2.0	1.6
Pinjaman projek	7,016	6,849	2.6	2.3	1.1	1.0
Jumlah	266,722	303,227	100.0	100.0	41.6	42.4

¹ Anggaran.

JADUAL 4.7


Hutang Negara 2007 – 2008

	RM juta		Bahagian (%)		KDNK (%)	
	2007	2008 ¹	2007	2008 ¹	2007	2008 ¹
Hutang jangka sederhana dan panjang	132,977	139,126	70.9	60.9	20.7	19.4
Sektor awam	61,456	71,250	32.8	31.2	9.6	10.0
Kerajaan Persekutuan	19,602	18,307	10.5	8.0	3.1	2.6
PABK	41,854	52,943	22.3	23.2	6.5	7.4
Dijamin	17,848	12,081	9.5	5.3	2.8	1.7
Tidak dijamin	24,006	40,862	12.8	17.9	3.7	5.7
Sektor swasta	71,521	67,876	38.2	29.7	11.1	9.5
Hutang jangka pendek	54,468	89,227	29.1	39.1	8.5	12.5
Jumlah	187,445	228,353	100.0	100.0	29.2	31.9

¹ Anggaran.

CARTA 4.2

Hutang Luar Negara Kerajaan Persekutuan Mengikut Mata Wang



¹ Anggaran disemak.

² Termasuk pound sterling.

Nota: Angka di dalam bar merupakan % daripada jumlah.

Kerajaan Negeri

Defisit rendah...

Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri disatukan dianggar terus mencatat lebih akaun semasa, walaupun perbelanjaan mengurus terus meningkat. Memandangkan perbelanjaan pembangunan dijangka meningkat lebih cepat berbanding peningkatan hasil, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri disatukan dijangka mencatat defisit yang kecil berjumlah RM1,216 juta atau 0.2% KDNK pada tahun 2008 (2007: +RM205 juta; +0.03% KDNK), seperti di *Jadual 4.8*. Sebagaimana tahun-tahun sebelum ini, defisit keseluruhan akan dibiayai sebahagian besar oleh pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan serta aset kewangan kerajaan negeri.

Hasil keseluruhan kerajaan negeri merangkumi sumber negeri, iaitu cukai langsung dan cukai tidak langsung serta terimaan bukan hasil termasuk pelbagai geran dan bayaran balik Kerajaan Persekutuan. Jumlah hasil kerajaan negeri diunjurkan meningkat 4.4% kepada RM14,086 juta (2007: 5.9%; RM13,498 juta) disebabkan oleh prestasi hasil cukai yang lebih baik, terutamanya cukai tanah dan terimaan bukan hasil. Daripada jumlah hasil kerajaan negeri ini, hasil sumber negeri merangkumi 74.0% atau kekal stabil pada RM10,417 juta (2007: 76.9%; RM10,378 juta). Sebahagian besar hasil tersebut diperoleh daripada royalti petroleum dan perhutanan, premium dan cukai tanah serta dividen dan pulangan pelaburan. Selain itu, geran dan bayaran balik Kerajaan Persekutuan dijangka berjumlah RM3,669 juta (2007: RM3,120 juta) untuk tujuan membiayai projek infrastruktur, sosial dan kemudahan awam.

Jumlah perbelanjaan mengurus kerajaan negeri dianggar meningkat 7.7% kepada RM7,707 juta pada tahun 2008 (2007: 7.3%; RM7,157 juta), disebabkan perbelanjaan emolumen serta bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi, merangkumi 69.0% daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Perbelanjaan pembangunan juga dijangka terus

JADUAL 4.8

Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan 2007 – 2008

	RM juta		Perubahan (%)	
	2007	2008 ¹	2007	2008 ¹
Akaun semasa				
Hasil	13,498	14,086	5.9	4.4
Perbelanjaan mengurus	7,157	7,707	7.3	7.7
Baki akaun semasa	6,341	6,379	4.5	0.6
Akaun pembangunan				
Perbelanjaan pembangunan kasar	6,613	7,815	24.8	18.2
Kumpulan wang pembangunan	6,258	7,274	24.7	16.2
Kumpulan wang bekalan air	355	541	28.2	52.4
Tolak: Terimaan balik pinjaman	477	220	18.7	-53.9
Perbelanjaan pembangunan bersih	6,136	7,595	25.4	23.8
Baki keseluruhan	205	-1,216		
% kepada KDNK	0.03	-0.2		

¹ Anggaran disemak.

bertambah 18.2% kepada RM7,815 juta (2007: 24.8%; RM6,613 juta) untuk membiayai projek perumahan, kemudahan awam, pertanian dan pembangunan desa serta bekalan air.

Sektor Kerajaan

Kedudukan kewangan sektor kerajaan terus...

Kedudukan kewangan sektor kerajaan disatukan terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun. Setelah mengambil kira pindahan dan pinjaman antara entiti kerajaan, kedudukan kewangan sektor kerajaan disatukan dianggar mencatat defisit sebanyak RM32,418 juta atau 4.5% KDNK, seperti di *Jadual 4.9*. Jumlah defisit ini lebih rendah berbanding defisit Kerajaan Persekutuan sebanyak RM34,462 juta atau 4.8% KDNK disebabkan peningkatan lebih keseluruhan badan berkanun.

JADUAL 4.9

Kedudukan Kewangan Sektor Kerajaan Disatukan 2007 – 2009

	RM juta			Perubahan (%)		
	2007	2008 ¹	2009 ²	2007	2008 ¹	2009 ²
Akaun semasa						
Hasil	162,504	181,366	191,900	13.2	11.6	5.8
Perbelanjaan mengurus	135,398	162,622	167,345	13.9	20.1	2.9
Baki akaun semasa	27,106	18,744	24,555	9.8	-30.8	31.0
Perbelanjaan pembangunan	44,926	51,162	51,827	9.7	13.9	1.3
Baki keseluruhan	-17,820	-32,418	-27,272			
% kepada KDNK	-2.8	-4.5	-3.5			

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk perubahan cukai 2009.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan

Lebihan kecil bagi PABK...

Kedudukan kewangan PABK disatukan dianggar mencatat penurunan dalam lebihan keseluruhan sebanyak RM4,504 juta (2007: RM27,372 juta), seperti di *Jadual 4.10*. Penurunan ini disebabkan oleh jangkaan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam hasil disatukan dan peningkatan perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang lebih tinggi.

Hasil keseluruhan diunjurkan meningkat 1.7% kepada RM322,835 juta (2007: 17.2%; RM317,505 juta), disumbangkan, terutamanya oleh PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad, Sistem Penerbangan Malaysia Berhad, Telekom Malaysia Berhad, TM *International* Berhad dan *United Engineers* (Malaysia) Berhad. Harga petroleum yang tinggi, pulangan pelaburan luar negara yang meningkat dan peningkatan keberkesanan operasi, di samping kenaikan tarif elektrik dijangka memberi impak positif kepada pertumbuhan hasil. Perbelanjaan mengurus dianggar meningkat 8.6% kepada RM258,981 juta (2007: 13.4%; RM238,561 juta), terutamanya disebabkan peningkatan kos tenaga dan bahan mentah serta usaha penambahbaikan produk dan perkhidmatan. Walaupun kos operasi terus meningkat, prestasi PABK dijangka kekal memberangsangkan disokong oleh kemajuan ketara dalam program

transformasi yang dilaksanakan oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan. PABK akan terus memainkan peranan penting dalam kegiatan ekonomi melalui sumbangan kepada pembentukan modal, pindahan teknologi dan pembangunan kemahiran serta pewujudan peluang pekerjaan. Perbelanjaan pembangunan dijangka bertambah 15.1% mencecah RM59,350 juta (2007: 12.9%; RM51,572 juta), sebahagian besarnya untuk aktiviti pengembangan, penaiktarafan dan pemulihan infrastruktur pengeluaran sedia ada serta melaksanakan pelaburan utama di luar negara untuk memantapkan pertumbuhan hasil pada masa hadapan dan menjana nilai kepada pemegang yang berkepentingan.

Kedudukan keseluruhan kewangan **PETRONAS** dijangka kekal kukuh disumbang oleh hasil yang lebih tinggi serta operasi yang lebih cekap dan terminal minyak yang cekap dan stabil, disokong oleh strategi perniagaan yang berkesan. Bagi tahun kewangan berakhir bulan Mac 2008, PETRONAS telah menyumbang sejumlah RM62.8 bilion kepada Kerajaan Persekutuan manakala RM4.8 bilion telah diberikan kepada Terengganu, Sabah dan Sarawak dalam bentuk royalti. Hasil berkaitan minyak daripada PETRONAS adalah dalam bentuk dividen (RM30 bilion), cukai pendapatan korporat dan petroleum (RM26 bilion), royalti (RM4.7 bilion) dan duti eksport (RM2.1 bilion). Sejak penubuhannya pada tahun 1974, sejumlah RM403.3 bilion telah dibayar kepada Kerajaan, termasuk pembayaran royalti kepada

JADUAL 4.10

**Kedudukan Kewangan PABK Disatukan¹
2007 – 2008**

	RM juta		Perubahan (%)	
	2007	2008 ²	2007	2008 ²
Pendapatan	317,505	322,835	17.2	1.7
Perbelanjaan semasa	238,561	258,981	13.4	8.6
Lebihan semasa	78,944	63,854	30.6	-19.1
% kepada KDNK	12.3	8.9		
Perbelanjaan pembangunan	51,572	59,350	12.9	15.1
Lebihan keseluruhan	27,372	4,504		
% kepada KDNK	4.3	0.6		

¹ Merujuk kepada 30 PABK utama.² Anggaran disemak.

kerajaan negeri yang berkenaan. PETRONAS merupakan penyumbang terbesar kepada hasil negara dan secara langsung memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi.

PETRONAS turut menyumbang kepada ekonomi menerusi penjualan gas asli pada kadar bersubsidi RM14.31 setiap million British thermal unit (mmbtu) (RM6.40 setiap mmbtu sebelum penstrukturan semula subsidi pada Jun 2008) kepada sektor tenaga berbanding harga pasaran semasa pada kadar RM63 setiap mmbtu. Sejak tahun 1997, kehilangan hasil atau pemberian subsidi terkumpul adalah berjumlah RM77.9 bilion, di mana RM62.6 bilion untuk TNB dan IPP serta baki sebanyak RM15.3 bilion kepada sektor bukan tenaga, termasuk industri kecil, komersial, pengguna isi rumah dan kenderaan bergas asli (NGV).

PETRONAS beroperasi dalam persekitaran yang mencabar. Walaupun harga minyak mentah yang tinggi memberikan kelebihan kepada PETRONAS, ia dijangka memberi kesan kepada perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Permintaan minyak mentah dari China, India dan negara berkembang pesat lain kekal kukuh dan telah merancakkan lagi aktiviti dalam sektor minyak dan gas. Walau bagaimanapun, kekangan penawaran seperti kekurangan kapasiti penapisan dan kakitangan

mahir serta kenaikan kos logam dan peralatan telah menyebabkan peningkatan kos dalam industri ini. Tambahan pula, aktiviti spekulatif, ketegangan geopolitik dan suasana pekerjaan yang sukar berpunca daripada keadaan cuaca yang tidak menentu dan teknologi yang mencabar telah memberi tekanan kepada situasi semasa. Walau bagaimanapun, PETRONAS kekal aktif dalam industri minyak dan gas antarabangsa. PETRONAS telah menandatangani perjanjian usahasama dengan *Santos Limited* di Australia untuk mengambil alih sejumlah besar ekuiti dalam cadangan projek gas asli cecair (LNG) berintegrasi di Gladstone, Queensland. Kerjasama yang diberikan oleh rakan kongsi dalam aktiviti huluan cari gali dan pengeluaran gas aliran arang batu (CSG), menjadikan pengambilalihan tersebut sebagai penyertaan pertama PETRONAS dalam industri CSG.

Selain daripada aktiviti ekonomi, PETRONAS juga terlibat dalam tanggungjawab sosial korporat, terutamanya dari segi bantuan pendidikan dan pembangunan modal insan melalui sokongan kepada Universiti Teknologi PETRONAS dan Akademi Maritim Malaysia atau ALAM. Sehingga kini, biasiswa bernilai RM2 bilion telah diberikan kepada 30,000 pelajar dalam pelbagai bidang. Selain itu, PETRONAS juga melaksanakan program komuniti dan kemasyarakatan di peringkat tempatan dan antarabangsa melalui perkongsian pintar bersama badan bukan kerajaan.

Prestasi pendapatan **Telekom Malaysia Berhad**, sebuah lagi PABK utama, dijangka terus kukuh walaupun berada dalam suasana operasi yang mencabar. Berikutan dengan aktiviti pengasingan syarikat, operasi antarabangsa TM telah diletakkan di bawah satu entiti baru yang dikenali sebagai *TM International Berhad* (TMI). Ini membolehkan TM memberi tumpuan yang lebih kepada pembangunan perkhidmatan dan infrastruktur ICT tempatan, terutamanya dalam membangunkan sektor jalur lebar. TM akan terlibat dalam pelaksanaan projek mega Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) melalui usaha sama sektor swasta dan Kerajaan yang akan dijalankan secara berperingkat dalam tempoh

10 tahun. Fasa 1 projek ini, iaitu yang meliputi Lembah Klang dan Iskandar Malaysia, dijangka melibatkan kos RM11.3 bilion. Kerajaan akan turut melabur dalam projek ini yang merangkumi keseluruhan infrastruktur kawasan liputan, jaringan utama dan hubungan antarabangsa, bertujuan untuk menyediakan liputan yang lebih baik serta perkhidmatan jalur lebar berkualiti yang lebih pantas. Pekhidmatan jalur lebar yang menyeluruh untuk syarikat, universiti dan pengguna isi rumah bukan sahaja meningkatkan daya saing negara, bahkan juga dapat menarik lebih banyak FDI.

ICT dan industri kreatif merupakan salah satu bidang yang diberi tumpuan di Iskandar Malaysia dan TM dijangka memainkan peranan yang penting dalam menyediakan infrastruktur HSBB dan telekomunikasi kepada lebih 700,000 premis komersial dan kediaman. Manfaatnya akan dapat diperoleh di Nusajaya, Daerah Perniagaan Berpusat, kawasan Pembangunan Gerbang Timur dan Gerbang Barat serta koridor Senai-Skudai. Pelaburan TM dalam kemudahan ICT dijangka dapat merancakkan aktiviti ekonomi di dalam koridor tersebut serta menarik lebih banyak pelaburan dalam bidang sasaran ICT dan industri multimedia di Iskandar Malaysia dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan.

TM memberi sumbangan secara aktif kepada masyarakat menerusi pendidikan, pembangunan sukan dan pembentukan komuniti. Universiti Multimedia yang juga merupakan institusi penyelidikan mempunyai lebih daripada 25 pusat kecemerlangan yang dibiayai oleh TM. Melalui penubuhan Yayasan Telekom Malaysia, biasiswa dan pinjaman telah disediakan kepada lebih 10,000 pelajar untuk melanjutkan pelajaran di dalam dan luar negara. TM juga aktif dalam pembangunan sukan, terutamanya bola sepak dan terlibat secara langsung mencungkil bakat baru dalam arena sukan. Menerusi pembangunan insan dan kemasyarakatan, TM melaksanakan program latihan semula graduan bagi melengkapkan diri dengan kemahiran bahasa dan kemahiran lain bagi memenuhi keperluan sektor swasta. Selain itu, TM juga giat dalam mempromosi jalur lebar di sekolah melalui projek *TMeSchool* dan aktiviti kebajikan bertujuan membantu golongan yang memerlukan dan kanak-kanak kurang bernasib baik.

Sebuah lagi PABK utama, ialah **TM International**. Syarikat ini merupakan syarikat induk komunikasi antarabangsa yang dijangka menjana pendapatan yang lebih tinggi melalui strategi pemasaran yang agresif dan harga yang kompetitif dengan memberi tumpuan kepada perkembangan pasaran serantau. Kini, TMI mempunyai operasi telekomunikasi mudah alih dan talian tetap yang strategik serta pelaburan dalam beberapa negara Asia Tenggara dan Asia Selatan. Sumber pendapatan TMI yang utama, antara lain menerusi XL di Indonesia, Dialog di Sri Lanka dan Celcom di Malaysia. Sebahagian besar perbelanjaan modal TMI dijangka lebih menjurus kepada aktiviti pembangunan, peluasan dan penambahbaikan infrastruktur ICT, perkhidmatan tempatan dan antarabangsa serta pelebaran rangkaian operasi di luar negara. Bagi menambah bilangan pelanggan di pasaran baru, TMI berusaha dengan lebih gigih untuk menaik taraf dan memperluaskan perkhidmatan jalur lebar serta kemudahan perkhidmatan berkaitan data.

Pendapatan **Tenaga Nasional Berhad** dijangka terus meningkat berikutan kenaikan tarif elektrik yang berkuat kuasa mulai bulan Julai 2008, disokong oleh peningkatan jualan elektrik bagi sektor komersial, industri dan domestik, sejajar dengan aktiviti ekonomi yang mapan. Walau bagaimanapun, peningkatan harga gas, arang batu serta bahan logam, termasuk tembaga dan keluli di peringkat global dijangka meningkatkan kos operasi, dan mengurangkan keuntungan TNB. Tambahan pula, peningkatan harga gas sebanyak 123.0% kepada RM14.31 setiap mmbtu berkuat kuasa mulai bulan Julai 2008 dijangka memberi kesan kepada keuntungan TNB. Walau bagaimanapun, kenaikan tarif elektrik dijangka dapat mengimbangi peningkatan kos operasi ini.

TNB giat memulih dan menaik taraf infrastruktur sedia ada serta membuat pelaburan baru bagi memastikan keupayaan sistem mencukupi dan bekalan tenaga terjamin. Perbelanjaan modal dibuat untuk memperkukuh rangkaian penghantaran dan pembahagian, membina sistem penghantaran baru, pencawang, pusat kawalan

serantau serta pemasangan Sistem Maklumat Geografi bagi meningkatkan keselamatan dan penyelenggaraan aset. Projek utama dalam pelaksanaan termasuk pemasangan turbin gas kitaran padu 750 MW di Stesen Janakuasa Tuanku Jaafar yang dijadualkan siap pada bulan Disember 2008. Antara projek yang dijangka siap pada akhir tahun 2008 ialah projek membaik pulih Stesen Janakuasa Hidro Cameron Highlands yang berusia 40 tahun. Pada masa ini, TNB sedang menggantikan *switchgears* lama dan transformer di seluruh negara untuk meningkatkan penjanaan dan pengagihan kuasa kepada pengguna. Berikutan peningkatan kos bahan api fosil, kerja-kerja asas kejuruteraan bagi dua stesen janakuasa hidro baru di Ulu Jelai (Cameron Highlands) dan Hulu Terengganu telah bermula dan dijangka siap pada tahun 2014. Antara projek di luar negara yang telah dijalankan oleh TNB termasuk pembinaan Stesen Penyahgaraman Shoaiba Fasa 3 IWPP di Arab Saudi. Projek bernilai USD232 juta ini menggunakan teknologi penyahgaraman osmosis berbalik dan dijangka memulakan operasi pada awal tahun 2009.

Menjurus kepada slogan 'penggerak kemajuan negara', kebanyakan aktiviti CSR TNB dilaksanakan melalui bidang pendidikan, penyelidikan dan pembangunan (R&D), sukan, alam sekitar

dan program kebajikan masyarakat. TNB memperuntukkan dana kepada Universiti Tenaga Nasional dan Institut Latihan Sultan Ahmad Shah serta menyediakan biasiswa dan pinjaman melalui Yayasan Tenaga Nasional. Bagi merealisasikan program 'rumah hijau', TNB akan memastikan bahawa projek yang dijalankan berkonsep mesra alam. Sebagai contoh, Stesen Janakuasa Arang Batu Sultan Azlan Shah di Manjung, Perak menggunakan teknologi arang batu yang bersih bagi melindungi alam sekitar. Selain itu, TNB juga menyumbangkan dana bagi projek kunang-kunang di Kuala Selangor dan akan terus membuat penyelidikan terhadap *lampyridea firefly* melalui anak syarikatnya, TNB Research. Bagi pulau luar pesisir dan kawasan terpencil yang jauh dari grid elektrik biasa, TNB menggunakan tenaga boleh diperbaharui untuk menjana elektrik. Stesen janakuasa angin/hibrid solar di Pulau Perhentian Kecil, Terengganu menggunakan tenaga angin kencang untuk menggerakkan turbin. Stesen janakuasa hibrid solar yang menggunakan bahan bakar diesel dan cahaya matahari yang diserap oleh panel solar pula membekalkan elektrik di kawasan terpencil lain. Manakala, dalam bidang pembangunan sukan, TNB menumpukan kepada hoki dan kriket serta mempromosikan sukan ini di semua peringkat.

JADUAL 4.11

**Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan
2007 – 2009**

	RM juta			Perubahan (%)		
	2007	2008 ¹	2009 ²	2007	2008 ¹	2009 ²
Hasil	110,733	126,844	140,640	8.6	14.5	10.9
Perbelanjaan mengurus	134,953	161,353	166,833	14.6	19.6	3.4
Lebihan semasa PABK	130,072	116,882	103,039	29.2	-10.1	-11.8
Baki semasa sektor awam	105,852	82,373	76,846	24.7	-22.2	-6.7
Perbelanjaan pembangunan	96,310	110,299	95,718	11.3	14.5	-13.2
Sektor kerajaan	44,738	50,949	51,496	9.5	13.9	1.1
PABK	51,572	59,350	44,222	12.9	15.1	-25.5
Baki keseluruhan	9,542	-27,926	-18,872			
% kepada KDNK	1.5	-3.9	-2.4			

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk perubahan cukai 2009.

Sektor Awam Disatukan

Kedudukan kewangan sektor awam disatukan merangkumi akaun sektor kerajaan dan PABK, selepas mengambil kira pindahan dan pinjaman. Pada tahun 2008, walaupun prestasi hasil adalah lebih baik, akaun sektor awam disatukan dijangka mencatat lebihan semasa yang berkurangan kepada RM82,373 juta (2007: RM105,852 juta), berikutan perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi di setiap peringkat sektor awam. Selaras dengan peningkatan ketara perbelanjaan pembangunan, kedudukan kewangan sektor awam disatukan dijangka mencatat defisit keseluruhan berjumlah RM27,926 juta atau 3.9% KDNK (2007: +RM9,542 juta; +1.5% KDNK), seperti di *Jadual 4.11*.

Prospek 2009

Konsolidasi fiskal kembali pulih...

Kedudukan kewangan sektor awam dijangka lebih baik dan seimbang selaras dengan prospek ekonomi yang terus berkembang pada tahun 2009. Aktiviti sektor swasta dijangka terus kukuh, berikutan daripada kitaran barangan elektrik dan elektronik yang kembali pulih, harga komoditi yang kekal tinggi, perdagangan serantau yang meningkat, kepelbagaian pasaran eksport serta prospek ekonomi global yang lebih baik pada separuh kedua tahun 2009. Keadaan ini dijangka akan merancakkan lagi aktiviti pelaburan dan penggunaan, seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan KDNK. Sementara sektor swasta berada dalam keadaan yang terus mapan, Kerajaan akan terus menggalakkan perniagaan dengan menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam menerusi prosedur dan proses yang lebih mudah serta mempercepatkan kelulusan dan memperkenalkan penggunaan ICT yang lebih meluas. Peningkatan kecil perbelanjaan mengurus dan pertumbuhan lebih perlahan perbelanjaan pembangunan, disokong prospek kedudukan hasil yang lebih kukuh pada tahun 2009 membolehkan Kerajaan melaksanakan kembali konsolidasi kewangannya. Sehubungan itu, defisit fiskal Kerajaan Persekutuan dijangka berkurangan kepada 3.6% KDNK pada tahun 2009.

Dasar fiskal yang berhemat, cekap dan efektif akan diteruskan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2009 dijangka meningkat 4.4% kepada RM205,899 juta, dengan perbelanjaan mengurus bertambah 2.1% (RM154,170 juta) dan perbelanjaan pembangunan sebanyak 11.8% (RM51,729 juta). Berikutan kesan kenaikan harga bahan api, makanan dan komoditi lain serta bahan berkaitan pembinaan, Kerajaan akan menyediakan dana yang lebih besar untuk bayaran subsidi, termasuk program jaminan makanan, program bantuan sosial dan kebajikan serta memastikan pelaksanaan projek pembangunan disiapkan mengikut jadual. Peningkatan dalam keseluruhan perbelanjaan ini mengambil kira semakan semula dasar dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-9 bagi memastikan momentum pertumbuhan kekal kukuh dengan kestabilan harga dan kualiti hidup rakyat terus terjamin. Selaras dengan aktiviti ekonomi yang dijangka terus berkembang, prestasi PABK dan syarikat kerajaan negeri yang lebih baik serta kutipan cukai yang memberangsangkan, hasil keseluruhan dijangka meningkat 9.1% kepada RM176,220 juta.

Walaupun Bajet 2009 akan memberi penekanan kepada isu semasa, antaranya mengekalkan momentum pertumbuhan dalam suasana tekanan inflasi dalam negeri berikutan persekitaran luar yang mencabar, ia juga akan memberi tumpuan kepada peningkatan kapasiti produktiviti jangka panjang dan daya tahan negara. Sehubungan itu, program dan projek yang memastikan kesejahteraan rakyat, meningkatkan sistem pengangkutan awam, menjana pembangunan modal insan dan meningkatkan daya tahan negara akan dilaksanakan dalam Bajet 2009.

Perbelanjaan mengurus diperuntukkan sebanyak RM154,170 juta atau 74.9% daripada jumlah perbelanjaan dalam Bajet 2009. Sebahagian besar daripada peruntukan ini digunakan bagi perbelanjaan terikat dan kenaikan tetap seperti *emolumen, bayaran khidmat hutang* serta *pencen dan ganjaran*. Peruntukan *bekalan dan perkhidmatan* meningkat 2.3% kepada RM26,488

juta bagi memastikan penyelenggaraan aset awam yang lebih baik serta meningkatkan kualiti perkhidmatan awam. Subkategori perbelanjaan ini ialah perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan, bayaran sewa, telekomunikasi dan utiliti serta yuran profesional. Untuk *geran, serahan dan bayaran tetap*, sebanyak RM86,328 juta juga disediakan, termasuk subsidi dan sumbangan kepada badan berkanun dan kerajaan negeri. Peruntukan bagi subsidi dijangka kekal tinggi iaitu sebanyak RM33,799 juta atau 21.9% daripada perbelanjaan mengurus. Peruntukan bagi subsidi disediakan terutamanya untuk bahan api (RM21,000 juta), perbezaan kadar faedah termasuk pinjaman pengajian tinggi (RM978 juta), skim berkaitan padi (RM1,160 juta) serta rebat tunai bagi pemilik kenderaan persendirian sehingga bulan Mac 2009 (RM2,000 juta). Di samping itu, peruntukan sebanyak RM1,200 juta akan disediakan untuk memberi subsidi harga runcit minyak masak. Kerajaan juga akan memastikan bekalan barangan keperluan asas mencukupi serta mengawal harga melalui usaha mencegah aktiviti menyorok stok, penyeludupan dan pengambilan untung secara berlebihan.

Insentif akan terus diberikan kepada komuniti petani di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara bagi membendung kenaikan harga input dan meningkatkan pengeluaran makanan dalam sektor pertanian, perikanan, akuakultur dan penternakan. Di bawah program ini, sejumlah RM345 juta akan diperuntukkan kepada 350,000 petani dan pengusaha ternakan. Bagi meningkatkan pengeluaran padi, seramai 148,000 petani akan diberikan insentif sebanyak RM244 juta. Di samping itu, usaha juga akan dilaksanakan untuk meningkatkan kebajikan para nelayan. Insentif bulanan sebanyak RM200 diberi kepada pemilik bot dan pekerja yang layak serta insentif 10 sen untuk setiap kilogram pendaratan ikan akan dikekalkan. Pengusaha bot penumpang sungai yang beroperasi di Sarawak dan Sabah juga akan diberi bantuan melalui bayaran tunai sebanyak RM11 juta.

Program bantuan sosial akan terus diperkukuh dengan peruntukan sebanyak RM6,268 juta untuk membantu penduduk miskin tegar di desa dan bandar, golongan OKU, ibu tunggal, warga emas dan Orang Asli. Program makanan dan pemakanan di tabika dan sekolah akan dipertingkatkan manakala baucer tuisyen terus disediakan bagi pelajar miskin.

Program pembasmian kemiskinan sedia ada akan terus ditambah baik supaya lebih efektif dan menjurus kepada golongan sasaran. Bajet 2009 juga akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan pendapatan isi rumah, memupuk keusahawanan dan latihan kemahiran serta menyediakan bantuan perumahan bagi golongan miskin melalui Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat. Program Pembangunan Minda Insan akan diperkukuhkan melalui program binaupaya untuk golongan sasaran. Peruntukan sebanyak RM13 juta disediakan melalui Program Pembasmian Kemiskinan Bandar di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi mengurangkan jurang pendapatan dan kemiskinan di bandar. Seterusnya, sejumlah RM61 juta diperuntukkan melalui Amanah Ikhtiar Malaysia atau AIM di bawah Skim Kewangan Mikro Bandar dan Skim SriKandi bagi memupuk sikap berdikari dan nilai keusahawanan di kalangan golongan miskin di bandar. Dianggarkan sejumlah 140,000 rakyat akan memperoleh faedah daripada skim ini. Bagi memastikan hasil pembangunan negara dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat, sejumlah RM72 juta diperuntukkan melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli bagi melaksanakan projek dan program yang menjurus kepada peningkatan kualiti hidup 149,700 Orang Asli.

Pada tahun 2009, **perbelanjaan pembangunan** dianggarkan meningkat kepada RM51,729 juta selaras dengan semakan semula siling keseluruhan RMKe-9 daripada RM200 bilion kepada RM230 bilion. Tambahan peruntukan ini adalah untuk meningkatkan pengeluaran makanan, projek dan program dalam kawasan pembangunan koridor serta menanggung peningkatan kos projek infrastruktur yang telah diluluskan.

Kerajaan kekal komited untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam, terutamanya di kawasan bandar. Sistem pengangkutan yang selamat, efisien dan berintegrasi dapat mengurangkan masa perjalanan dan kos menjalankan perniagaan, memelihara alam sekitar dan meningkatkan produktiviti. Sehubungan itu, tumpuan khusus terus diberikan kepada usaha meningkatkan kapasiti dan akses sistem transit aliran ringan, kereta api dan perkhidmatan bas di Lembah Klang. Usaha juga terus dilaksanakan untuk menyediakan sistem pengangkutan yang efisien dan bersepadu bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas dan meningkatkan rangkaian di bandar utama.

Keutamaan akan terus diberi kepada pembangunan infrastruktur berikutan peranannya yang semakin penting dalam meningkatkan kapasiti dan kecekapan aktiviti ekonomi. Oleh itu, sejumlah RM7,605 juta akan diperuntukkan bagi membina, menaik taraf dan menyelenggara jalan raya, jambatan, pelabuhan, lapangan terbang dan rangkaian pengangkutan rel. Projek baru dan sedia ada yang dalam pelaksanaan, termasuk landasan berkembar Seremban-Gemas, Sentul-Batu Caves dan Ipoh-Padang Besar, Fasa 2 Lingkaran Lebuhraya Tengah Seremban, Fasa 2 Lebuhraya Pantai Timur dari Jabur ke Kuala Terengganu dan jejambat yang menghubungkan Jalan Ampang/Jalan Jelatek serta pembelian enjin dan gerabak kereta api oleh KTMB.

Peruntukan sebanyak RM3,216 juta juga disediakan untuk projek kemudahan awam, telekomunikasi, perkhidmatan pembedaan serta pengairan dan saliran. Daripada jumlah ini, sebanyak RM614 juta diperuntukkan bagi projek pembekalan air dan elektrik di seluruh kawasan luar bandar. Peruntukan sebanyak RM5,000 juta disediakan bagi mempercepatkan pembangunan di kawasan lima koridor. Antara projek utama yang akan dilaksanakan adalah menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas, menaik taraf dan membina jalan dan jambatan, menambah baik pengairan, saliran dan infrastruktur pertanian, membangun kemudahan dan keperluan asas pelancongan serta membina rumah kos

rendah dan projek lain yang mengutamakan rakyat.

Program dan projek sektor pertanian juga dilaksanakan bagi mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan bagi membolehkan sektor ini menjadi sumber utama pertumbuhan ekonomi dan menjadikan Malaysia sebagai pengeksport bersih makanan menjelang tahun 2010. Bagi mencapai hasrat ini, sektor pertanian dan pembangunan luar bandar akan diperuntukkan RM3,522 juta. Tumpuan akan diberikan untuk membangun dan mempromosi projek komersil berpotensi tinggi yang dikenal pasti seperti zon industri akuakultur di Terengganu, Projek *Beef Valley* di Gemas serta Taman Pengeluaran Makanan Kekal dan Ladang Kontrak di pelbagai negeri. Untuk membantu sektor ini dengan lebih efektif, khidmat sokongan juga akan dipertingkatkan melalui penyediaan peruntukan sebanyak RM234 juta, sementara kemudahan kredit akan dipermudahkan kepada petani dan syarikat yang terlibat dalam pertanian komersil. Di samping itu, reputasi Malaysia sebagai peneraju produk halal akan terus diperkembangkan melalui aktiviti promosi yang intensif.

Sebagai sebuah ekonomi berorientasikan perkhidmatan dan pengetahuan, kualiti modal insan menjadi satu prasyarat untuk pertumbuhan nilai tambah yang lebih tinggi. Bagi memastikan sistem pendidikan memenuhi kehendak pasaran buruh dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap positif, peruntukan terbesar berjumlah RM10,087 juta atau 19.5% disediakan untuk pendidikan dan latihan dalam Bajet 2009. Daripada jumlah ini, RM1,021 juta diperuntukkan bagi pendidikan rendah manakala pendidikan menengah, RM1,388 juta; pendidikan tinggi, RM4,357 juta dan program latihan, RM1,421 juta. Selain itu, pendidikan prasekolah, terutamanya di kawasan luar bandar juga akan diperkembangkan untuk memupuk asas pendidikan yang kukuh.

Jumlah kemasukan pelajar di sekolah rendah dan menengah dijangka mencecah 5.48 juta pada tahun 2009. Bagi menampung peningkatan ini, sebanyak 291 projek sekolah akan dilaksanakan,

di mana 110 adalah sekolah rendah dan 181 sekolah menengah, termasuk 15 buah asrama. Tambahan lagi, sebanyak RM467 juta juga disediakan bagi kerja pemulihan dan menaik taraf sekolah di kawasan luar bandar, termasuk Sabah dan Sarawak. Kemahiran komputer dan pendidikan IT di sekolah akan terus diperkembangkan melalui peruntukan sebanyak RM65 juta yang memberi manfaat kepada 574 buah sekolah. Pelan Strategik Pendidikan Tinggi bertujuan mewujudkan tenaga kerja yang berpengetahuan tinggi dan institusi pendidikan bertaraf dunia di Malaysia. Bagi menyokong Pelan Strategik ini, sejumlah RM4,357 juta diperuntukkan untuk menaik taraf dan memperbaiki infrastruktur di 21 IPTA dengan jangkaan kemasukan pelajar seramai 457,854 pada tahun 2009. R&D&C di empat buah Universiti Penyelidikan akan dipertingkatkan melalui peruntukan sebanyak RM362 juta.

Pendidikan kemahiran dalam pelbagai bidang akan terus dipertingkatkan bagi memenuhi permintaan tinggi pasaran buruh yang sentiasa berubah. Kini, terdapat 27 politeknik dan 90 kolej komuniti dengan jumlah pelajar melebihi 118,800. Justeru, dana yang mencukupi akan diperuntukkan bagi mengendalikan, memulihara dan menaik taraf infrastruktur serta menyediakan bantuan kewangan kepada semua pelajar. Pusat latihan kemahiran seperti ADTEC dan institusi di bawah MARA akan disediakan dana yang mencukupi bagi memastikan program latihan yang disediakan berkualiti untuk memenuhi permintaan industri. Pada tahun 2009, sejumlah 23 institusi kemahiran baru termasuk 14 Pusat GIATMARA akan mula beroperasi.

Aktiviti R&D akan terus diperhebat dalam sektor bioteknologi. Usaha-usaha yang akan diambil, termasuk pemindahan teknologi, R&D dalam agro-bioteknologi, *genomics*, *molecular biology*, farmaseutikal serta mengkomersialkan penemuan. Selain itu, Taman Teknologi Malaysia akan diperuntukkan dana bagi menjalankan kerja bioteknologi herba. Aktiviti R&D dalam sains dan teknologi serta pertanian akan lebih menjurus kepada keperluan pasaran bertujuan menjadikan

sektor ini salah satu sumber pertumbuhan baru. Di samping itu, bagi meningkatkan daya tahan dan daya saing PKS, subsektor ini akan diperuntukkan RM629 juta. Program dan projek yang akan dilaksanakan melalui Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Nasional atau TEKUN Nasional dan syarikat-syarikat kerajaan negeri termasuk membina, membeli, menyewa premis dan kawasan perniagaan, menaik taraf infrastruktur di kawasan industri serta menyediakan bantuan kewangan. Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) akan diperuntukkan geran sebanyak RM293 juta untuk melaksanakan pelbagai inisiatif binaupaya yang disasarkan memberi manfaat kepada 1,205 syarikat dan 26,000 pekerja. Berkuat kuasa mulai bulan Januari 2009, SMIDEC akan dikenali sebagai *SME Corporation Malaysia* (SME Corp.) dan bertanggungjawab dalam merangka dasar SME secara keseluruhannya. SME Corp. juga akan memberi tumpuan khusus dalam menyediakan perkhidmatan informasi, rujukan dan khidmat nasihat kepada SME.

Industri pelancongan merupakan penyumbang utama terbesar dalam sektor perkhidmatan dan berpotensi besar untuk terus dimajukan. Pada bulan Jun 2007, Langkawi telah diisytiharkan sebagai *geopark* dan ianya merupakan yang pertama di Asia Tenggara. Di samping itu, Georgetown dan Melaka telah tersenarai sebagai Kawasan Warisan Dunia, selain daripada Gua Mulu dan Taman Negara Kinabalu, membuktikan usaha gigih Kerajaan dan industri dalam mempromosikan sektor ini. Oleh itu, sejumlah RM936 juta akan diperuntukkan kepada Kementerian Pelancongan untuk menambah dan menaik taraf kemudahan dan infrastruktur berkaitan pelancongan di seluruh negara, membangun produk pelancongan baru serta menggiatkan lagi aktiviti promosi di dalam dan luar negara. Pembangunan ekopelancongan akan diteruskan, sementara program *homestay* akan diperbanyak dan kemudahan berkaitan akan ditambah baik. Pada tahun 2009, bilangan ketibaan pelancong diunjur sebanyak 23 juta, membawa masuk nilai pertukaran asing berjumlah RM53 bilion.

Peruntukan sebanyak RM637 juta akan disediakan bagi Program Latihan Khidmat Negara dirangka untuk menanam nilai-nilai dan sifat peribadi yang positif dalam membangunkan belia. Seramai 110,000 pelatih di 87 kem seluruh negara dijangka mendapat manfaat daripada program ini.

Hasil negara dijangka terus meningkat sebanyak 9.1% kepada RM176,220 juta pada tahun 2009 berbanding RM161,558 juta pada tahun 2008, sebahagian besar disumbang oleh hasil cukai. Jangkaan peningkatan kutipan hasil cukai sebanyak 15.4% kepada RM124,379 juta pada tahun 2009 berbanding RM107,737 juta pada tahun 2008 adalah berasaskan harga bahan api dan komoditi yang tinggi serta prestasi syarikat yang memberangsangkan. Walau bagaimanapun, hasil bukan cukai, terutamanya terdiri daripada pendapatan pelaburan, lesen dan permit serta

yuran perkhidmatan dijangka berkurangan kepada RM51,841 juta. Kerajaan akan terus meningkatkan pentadbiran cukai, menyemak semula insentif cukai serta melaksana audit percukaian bagi meningkatkan lagi kepatuhan, kutipan hasil dan meluaskan lagi asas percukaian.

Kerajaan terus komited dalam memperkukuh kedudukan fiskal, di samping menyokong momentum pertumbuhan dan meningkatkan binaupaya jangka panjang negara. Pada tahun 2009, prospek hasil dijangka lebih kukuh dan perbelanjaan lebih berhemat, ditunjukkan oleh pertumbuhan lebih perlahan dalam perbelanjaan keseluruhan. Dengan ini, Kerajaan akan dapat meneruskan langkah konsolidasi fiskal dan seterusnya mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan.